

8 MAR 1996

Anwar - Sosial

RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH AKAN BERI PENEKANAN UTAMA KEPADA SOSIAL

KUALA TERENGGANU, 8 Mac (Bernama) -- Agenda sosial akan diberi tumpuan besar selain ekonomi di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini hari ini.

Beliau berkata Rancangan Malaysia Ketujuh merupakan Rancangan Malaysia yang pertama yang bukan sahaja memberi penekanan asas kepada soal ekonomi tetapi memberi penekanan yang cukup kuat kepada agenda sosial.

Ini termasuk kepentingan memupuk dan menilai objektif kesedaran agama yang lebih mendalam dan kehidupan dan kerukunan institusi keluarga sebagai asas bagi menghindar gejala dan masalah sosial yang kian meruncing di dalam masyarakat, katanya pada perjumpaan Hari Raya Aidilfitri di sini.

"Rancangan-rancangan Malaysia sebelum ini semuanya memberi penekanan utama kepada bidang ekonomi ... yang lain hanya disentuh," kata Anwar pada majlis anjuran kerajaan negeri itu.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memperjelaskan lagi perkara itu semasa melancarkan Rancangan Malaysia Ketujuh di Bangunan Parlimen pada bulan April.

Katanya masa depan Malaysia dan haluan seterusnya hanya akan terjamin jika bersikap sederhana, tawadhu (rendah diri), terus belajar dan sedia membuat pembedaan kerana masalah masih ada termasuk masalah sosial.

"Masalah dadah misalnya sekarang membabitkan 200,000 orang dan 70 peratus adalah orang Melayu ... masalah sosial yang lain juga dikaitkan dengan anak-anak Melayu," kata Anwar.

Beliau berkata penyelesaiannya ialah melalui kesedaran sosial dengan pendidikan agama sebagai asas dan institusi keluarga dipertahan dan dimantapkan.

Katanya pegawai-pegawai dan institusi lain jangan diharapkan untuk menyelesaikan sebahagian besar masalah jika institusi keluarga sebagai asas tidak dapat dipertahankan.

Beliau berkata kerajaan mengambil langkah proaktif dengan mengambil pengajaran daripada kelemahan yang ada dan cuba mengambil langkah yang berani untuk memperbaiki dan merancang langkah mengatasi masalah.

Anwar juga berkata kerajaan mahu menjadikan institusi zakat di Malaysia sebuah institusi yang cukup berkesan dari segi kutipan, pengurusan dan pengendalian.

Katanya institusi zakat merupakan satu institusi yang amat kritikal dan strategik dan institusi yang harus dikembangkan.

Bagi tujuan itu, katanya, kerajaan telah mengundang ahli fiqh terkenal Dr Yusuf Al-Qardhawi untuk meneruskan tunjuk ajar atau panduan yang diberikan pada kunjungannya sebelum ini beberapa tahun lalu.

Katanya Dr Yusuf yang akan berada di sini mulai 19 Mac hingga akhir bulan juga akan terlibat untuk memberi panduan pada persidangan mengenai laporan dan sistem kewangan Islam dan industri sekuriti yang akan dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti selain mengadakan pertemuan dengan kadi-kadi dan mufti.

Perjumpaan itu dihadiri kira-kira 1,000 pemimpin masyarakat dan Barisan Nasional dari seluruh negeri. -- Bernama.

SBJ AHH